

15,000 Anggota Baru Umno Di Pulau Pinang
Bernama
10 Jun, 2012

NIBONG TEBAL, 10 Jun (Bernama)-- Umno Pulau Pinang berjaya menarik lebih 15,000 anggota baru sejak empat tahun lepas dan percaya sokongan orang ramai terhadap parti itu semakin meningkat.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang Datuk Zainal Abidin Osman berkata sebahagian daripada mereka yang mendaftar menjadi anggota baru Umno itu adalah anggota parti dan penyokong tegar pembangkang.

"Sehingga kini kita ada lebih 150,000 anggota Umno di Pulau Pinang dan saya percaya lebih ramai lagi akan menyertai kita dalam tempoh terdekat ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Daerah Mengundi (PDM) Kampung Sungai Udang di sini.

Zainal Abidin berkata pihaknya juga akan terus mendekati golongan muda dan pengundi atas pagar supaya mereka terus memberi sokongan kepada Umno demi kepentingan orang Melayu dan masa depan mereka.

"Kita lihat golongan muda juga sudah mula memilih Umno sebagai wadah perjuangan politik mereka kerana golongan itu percaya parti kita mampu memberi jaminan masa depan kepada mereka," katanya.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata 200 PDM di seluruh negeri ini telah bersiap sedia bagi menghadapi pilihan raya umum ke-13 pada bila-bila masa.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671921>